

**SURAT PEKELILING PENDAFTAR**

Tarikh: 1 April 2019

Bil.01/2019

Ruj:(24)dIm.UNISEL/PP/01/011

**MAKLUMAN BERHUBUNG PINDAAN KALENDAR AKADEMIK TAHUN ASAS BAGI SEMESTER JULAI 2019****1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan berhubung Kalendar Akademik Semester Julai 2019 bagi program Tahun Asas.

**2.0 MAKLUMAT PINDAAN**

- 2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-168 (Bil.03/2019) bertarikh 01 Mac 2019 telah meluluskan pindaan berhubung Kalendar Akademik Semester Julai 2019 bagi program Tahun Asas.
- 2.2 Pindaan ini dibuat bagi memberi peluang kepada pelajar Tahun Asas yang telah tamat pengajian pada Semester Julai 2019 menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL pada Semester November 2019.
- 2.3 Butiran pindaan adalah seperti di Jadual I di bawah:-

**Jadual I :**  
**Kalendar Akademik Semester Julai 2019 bagi Program Tahun Asas**

SEMESTER JULAI 2019		
AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Pelajar Baru	27 Julai 2019	1 hari
Minggu Tekad Siswa	27 - 30 Julai 2019	4 hari
Pendaftaran Pelajar Semasa	02 - 07 Ogos 2019	6 hari
Minggu Kuliah	05 Ogos - 01 November 2019	13 minggu
Minggu Ulangkaji & Peperiksaan	02 - 10 November 2019	1 minggu
Cuti Semester	11 - 27 November 2019	3 minggu
Mesyuarat Senat	20 November 2019	

2.4 Semua pihak khususnya Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Pejabat Pemasaran & Kemasukan dan Unit Rekod & Konvoquesyen perlu membuat perancangan berhubung perkara berikut:-

- i) Tempoh memasukkan markah peperiksaan bagi Semester Julai 2019;
- ii) Tempoh semakan dan pengesahan markah peperiksaan akhir di peringkat fakulti;
- iii) Pengeluaran Surat Tawaran Bersyarat kepada pelajar Tahun Asas yang dijangka menamatkan pengajian pada Semester Julai 2019;
- iv) Pelajar akan dibenarkan mendaftar dengan surat tawaran bersyarat mulai 7hb November 2019 dan;
- v) Pelajar akan mendaftar secara rasmi pada 21hb November 2019 iaitu selepas Mesyuarat Senat pada 20hb November 2019 (tertakluk kepada pengesahan keputusan peperiksaan akhir dan pengesahan bergraduat).

### 3.0 TINDAKAN

- 3.1 Bersama ini dilampirkan Kalendar Akademik Semester Julai 2019 bagi program Tahun Asas yang terkini untuk perhatian dan tindakan semua pihak.
- 3.2 Semua Fakulti, Pejabat, Jabatan dan Unit hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk dalam Surat Pekeliling ini.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Yang benar

  
**HAJAH ROKMAH BINTI HAJI MAT**  
Pengerak Tabung Amanah Pendidikan UNISEL/  
Menjalankan Tugas Pendaftar

- s.k :
- : Presiden & Naib Canselor
  - : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
  - : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)
  - : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
  - : Bendahari